

# Keistimewaan nombor keahlian Musa

**KUALA LUMPUR, Selasa** — Setiausaha Agung Umno, Datuk Mohamed Rahmat, berkata Datuk Musa Hitam menjadi ahli Umno yang ke-1,052,001.

Menurutnya, nombor keahlian Datuk Musa itu mempunyai keistimewaan tersendiri dan mungkin satu petanda baik kepada Umno.

Beliau berkata penyertaan semula Datuk Musa dalam Umno, akan dapat mempertingkatkan lagi kekuatan parti itu dan boleh mewujudkan perpaduan di kalangan orang Melayu.

"Saya mengalu-alukan langkahnya itu, malah memang sejak dulu lagi saya sentiasa mengharapkan Datuk Musa terus berjuang dalam Umno. Sekiranya kita ingin memperjuangkan kepentingan orang Melayu, tiada parti lain, kecuali Umno, yang dapat berbuat demikian dengan berkesan," katanya.

Datuk Mohamed berkata demikian ketika ditemui di Bangunan Umno selepas menghadiri perjumpaan dengan 133 setiausaha Umno

baghagian di seluruh negara, hari ini.

Beliau juga berharap kemasyarakatan semula Datuk Musa akan dapat menambah bilangan ahli Umno, khususnya di Johor. Sehingga ini hanya 41 peratus daripada ahli Umno lama yang menyertai parti itu. Jumlah ahli Umno Johor sekarang ialah 112,000.

"Daripada penyelidikan kita, didapati daripada jumlah itu, 106,000 adalah ahli Umno lama dan ini bermakna hanya 6,000 ahli Umno baru yang menyertai parti di negeri itu," katanya.

Datuk Mohamed berkata jumlah ahli Umno (lama) di Johor ialah 271,000. Berbanding jumlah ahli sekarang, bermakna 156,000 bekas ahli parti itu masih belum menyertai Umno sekarang.

Beliau berkata dengan keputusan Majlis Tertinggi parti menerima bekas ahli secara automatik dan berdaftar, kedudukan keahlian Umno di Johor akan pulih segera.

Ibu Pejabat Umno, katanya, akan memastikan proses pendaftaran semula ini berjalan dengan baik mengikut peraturan yang ditetapkan.